

**Muhyiddin Cadang UKM Pelopor Memartabatkan Bahasa Melayu  
Bernama  
23 September , 2011**

BANGI, 23 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mencadangkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menjadi universiti pelopor kepada usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Beliau berkata langkah itu sejajar dengan matlamat asal penubuhan UKM dan bagi menggerakkan usaha tersebut, UKM dicadang antara lain menimbangkan pemberian merit untuk tujuan kenaikan pangkat kepada kakitangan akademik yang menghasilkan karya ilmiah dalam bahasa Melayu.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata bagaimanapun langkah itu memerlukan usaha yang berterusan di setiap peringkat sistem dan proses pendidikan negara.

"Di peringkat sekolah kita melaksanakan sistem pendidikan kebangsaan yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama sistem pendidikan kebangsaan.

"Malah organisasi antarabangsa seperti Unesco (Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) mengakui bahasa ibunda adalah bahasa terbaik untuk murid mengikuti pembelajaran di peringkat awal," katanya dalam ucapan kepada kira-kira 2,000 warga UKM di universiti berkenaan di sini.

Muhyiddin berkata UKM yang ditubuhkan pada 18 Mei 1970, muncul universiti pertama di negara ini yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam setiap jurusan keilmuan.

"UKM menjadi bukti tentang keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam setiap cabang keilmuan. Penarafan UKM sebagai universiti kebangsaan pada 2006 adalah pengiktirafan besar kepada khazanah keilmuan UKM," katanya.

Timbalan Perdana Menteri turut menegur sikap segelintir ahli akademik yang lebih gemar menghasilkan karya ilmiah dalam bahasa Inggeris supaya karya itu dapat diterbitkan dalam jurnal antarabangsa dan mengandaikan peluang lebih luas untuk kenaikan pangkat.

Beliau berkata jika perkara itu berterusan, mungkin tidak banyak penemuan dalam pelbagai disiplin ilmu ditulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Melayu hanya menjadi bahasa asal atau pertuturan di rumah.

"Saya bukan anti bahasa Inggeris, cuma saya nak jelaskan bahawa martabat bahasa Melayu wajar dipertahan kedudukannya dalam sistem pendidikan negara supaya identiti kebangsaan itu tidak hilang dalam kita mengejar kemajuan dunia.

"Kenyataan saya ini ada kaitan dengan keputusan kerajaan untuk memansuhkan PPSMI (Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris) dan kini dalam proses pengenalan dasar MBMMBI (Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris).

"Saya percaya UKM adalah universiti pertama yang sebenarnya melaksanakan dasar

MBMMBI," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=615396>